

**Acara istimewa negara – PM
Utusan Online
17 September, 2012
Oleh RAJA SYAHRIR ABU BAKAR dan ZAAIN ZIN**

KUALA LUMPUR 16 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sambutan Hari Malaysia Ke-49 tahun ini merupakan satu acara yang istimewa buat negara.

Perdana Menteri berkata, ini kerana buat pertama kali, Hari Malaysia diraikan secara besar-besaran di Sarawak.

"Marilah kita sama-sama 1Malaysia melaungkan perasaan bangga dan cinta kepada tanah air kita yang begitu sejahtera dan aman.

"Dirgahayu Malaysia, Selamat Hari Malaysia dan Salam 1Malaysia!," katanya dalam blog *1Malaysia* bertajuk Selamat Menyambut Hari Malaysia 2012, hari ini.

Hari Malaysia merupakan peristiwa pembentukan negara merangkumi Malaya (Semenanjung, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura pada 16 September 1963.

Bagaimanapun Singapura telah menarik diri dan keluar dari Malaysia untuk membentuk sebuah republik pada Ogos 1965.

Tarikh 16 September telah diisytiharkan sebagai cuti umum bagi semua negeri mulai 2010.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120917/dn_09/Acara-istimewa-negara---PM